

## **Syarikat Penerbangan Tempatan Tidak Lagi Dilindungi**

---

SEPANG : Kerajaan tidak akan melindungi syarikat-syarikat penerbangan sebaliknya mahu melihat satu pasaran berdaya saing sesama mereka. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, persaingan bukan sahaja membawa manfaat positif kepada sektor penerbangan malah mampu melonjakkan pertumbuhan sektor-sektor lain termasuk pelancongan."Sebagai Menteri Pengangkutan, saya mahu melihat lebih banyak persaingan dalam sektor penerbangan.Kita tidak akan melindungi dan kita tidak percaya kepada perlindungan.

"Jadi, kita harap kemasukan lebih banyak syarikat penerbangan ke negara ini dapat menyuntik angin persaingan kepada industri kita," katanya kepada pemberita selepas majlis Sambutan Penerbangan Sulung IndiGo ke Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) di sini hari ini. Mengulas lanjut, Anthony berkata, beliau sangat yakin dengan kemampuan syarikat penerbangan tempatan untuk bersaing bersama syarikat penerbangan asing sekali gus dilihat dapat melonjakkan prestasi syarikat-syarikat berkenaan. "Jangan fikir syarikat tempatan tidak boleh bersaing.Saya yakin mereka boleh bersaing dalam konteks prestasi dan perkhidmatan yang baik. Ini yang perlu kita lakukan, " katanya. Anthony menambah , Malaysia menyasarkan untuk menarik sebanyak 1.9 juta pelancong India ke Negara ini ke arah menjadikan hab pelancongan yang kukuh di rantau ini.

Jumlah itu katanya, adalah 10 peratus daripada jumlah keseluruhan 19 juta pelancong India mengunjungi negara-negara lain."Pada tahun lalu, kira-kira 552,000 pelancong India melawat Malaysia dan kini kita menyasarkan pertumbuhan 400 peratus iaitu 1.9 juta pelancong India dalam beberapa tahun akan datang. "Kita akan terus menumpukan kepada pasaran besar kerana pelancongan merupakan satu sektor penting untuk pertumbuhan ekonomi," katanya. Dalam pada itu, Anthony berkata, IndiGo perlu mempertingkatkan kekerapan penerbangannya ke negara ini serta memperkembangkan destinasinya termasuk di Pulau Pinang, Langkawi, Sabah dan Sarawak.

"Kita mahu IndiGo meningkatkan kekerapan mereka datang ke negara ini dan kita juga mahu meningkatkan kekerapan pesawat kita ke India juga.Anda akan melihat pergerakan pelancong di kedua-dua negara," katanya.

---

**SUMBER: UTUSAN MALAYSIA | M/S: 3 | 16 NOVEMBER 2018**